

Konsep Universiti dan Aplikasinya di Malaysia

Nordin Kardi

Kursi Za'ba, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Tel:+605-4505505 E-mel: nordinkardi@ipm.upsi.edu.my

Abstrak

Kertas ini melakarkan sebuah konsep yang eksploratif bagi menganalisa ide asal sebuah universiti dan aplikasinya kepada universiti-universiti lain dalam dunia moden terutamanya dalam ASEAN dan Malaysia. Tradisi dan amalan universiti medieval boleh dilihat dan dirasai dalam organisasi dan operasi universiti-universiti moden seluruh dunia. Universiti-universiti Eropah telah memulakan inisiatif perubahan bagi memastikan perubahan-perubahan ini dapat mempertahankan kewujudan persekitaran pengajian tinggi yang kompetitif dengan membentuk penubuhan beberapa kesepakatan seperti Bologna Process dan Lisbon Convention dengan ASEAN dapat mengakurkan sesuatu persetujuan. Malaysia dan Kerajaan ASEAN masih belum memeteraikan apa-apa persetujuan yang lebih serius dalam mempersatukan sistem universiti. Penulis meragui jika universiti ASEAN yang bergerak bersendirian dapat memposisikan kedudukan melangkaui pesaing-pesaing dari bahagian lain dalam dunia.

Kata kunci: Institusi Pengajian Tinggi; Pengajian Tinggi; Universiti; Governan; Autonomi

Abstract

This is an exploratory conceptual paper attempting at analyzing the origin of the idea of a university and its application to universities in the modern world especially ASEAN and Malaysia. The medieval university tradition and practices can still be seen and felt in the organization and operation of modern universities world over. While European Universities have initiated the necessary changes to ensure their survival in a new highly competitive higher education environment by

binding themselves together through various agreements such as Bologna Process and Lisbon Convention their counterparts in ASEAN are yet to institute any such arrangement. Malaysia and other ASEAN Government are yet to seal any serious agreement towards unifying their university system. The writer is doubtful that by going individually universities in ASEAN can position themselves ahead of their competitors from other parts of the world.

Keywords: Institution of Higher Education; Higher Education; University; Governance; Autonomy

Pengenalan

Universiti pada zaman awal sejarahnya tidak mempunyai kampus seperti sekarang dengan pengajian boleh berlaku di mana-mana sahaja, sama ada di rumah, di tempat ibadat dan di tempat-tempat lain. Universiti bukan berasal daripada kelompok ruang fizikal bangunan atau kompleks, sebaliknya ia merupakan himpunan individu yang mengerjakan aktiviti keilmuan untuk tujuan tertentu yang dipanggil *Corporation*. Dalam perkaitan ini, perlembagaan Universiti Malaya yang awal dan perkembangan universiti yang terkemudian ada menyebut perkataan *body corporate* bagi menerangkan maksud sesebuah universiti di dalam perlembagaan masing-masing. Oleh itu di Malaysia konsep universiti sebagai sebuah *body corporate* telah wujud dari awal penubuhan universiti pertamanya lagi.

Pada masa silam tempoh pengajian berbentuk universiti adalah sangat panjang dengan tempoh bagi memiliki ijazah pertama sahaja mengambil masa enam tahun. Manakala pengajian pascasiswazah pula seseorang perlu melalui 12 tahun lagi pengajian tambahan. Pada peringkat

ijazah pertama pengajiannya sangat umum dengan sukatan pelajarannya hanya berkaitan dengan keagamaan. Namun pengaruh institusi dari Sepanyol yang dipengaruhi oleh pendidikan Islam menjadikan pengajian ijazah pertama mula memasukkan pelbagai mata pelajaran seperti aritmetik, geometri, astronomi, teori muzik, nahu, logik dan retorik. Manakala pengajian teologi, undang-undang dan perubatan hanya boleh diikuti pada peringkat ijazah kedua ataupun ijazah tinggi.

Di Amerika Syarikat sehingga sekarang bidang teologi, undang-undang dan perubatan pada umumnya masih dikekalkan sebagai ijazah kedua. Pengajian yang membawa kepada ijazah pertama undang-undang diambil oleh mereka yang telah mempunyai ijazah pertama dalam bidang yang lain. Demikian juga teologi dan perubatan.

Governan Universiti Medieval

Sejarah penubuhan universiti telah melalui liku yang sangat panjang dan semakin melebar dengan akarnya masih kuat bertunjang kepada sejarah pengajian pada kurun ke 12 di Eropah dan kurun ke-10 di dunia Islam. Walaupun dunia Islam dikatakan telah mempunyai tradisi universiti lebih dahulu daripada tradisi Eropah yang disebut madrasah, namun tulisan dan pendokumentasian mengenai sistemnya belum tersebar luas untuk dijadikan rujukan. Demikian juga dengan tradisi universiti Jepun yang dipanggil *daigaku* yang lebih tua daripada tradisi Islam. Tradisi universiti di Eropah dipanggil *the nation* atau *the guild* yang terdapat di Utara dan di Selatan Benua Eropah. Walaupun kedua-dua tradisi itu mengekalkan bentuk himpunan individu secara fizikal tetapi kedua-duanya berbeza dari segi tafsiran hubungan antara individu dalam himpunan itu. Dua aliran itulah yang sering kelihatan terpancar dalam kehidupan universiti-universiti di dunia pada masa kini. Di Selatan Eropah pula, tradisi ini bermula di Bologna, Itali yang ditubuhkan pada tahun 1088 iaitu 400 tahun sebelum Melaka dibuka. Universiti yang dipanggil sebagai

student collegia ditubuhkan oleh kumpulan pelajar dengan *governance* untuk universiti di Bologna dikuasai oleh pelajar dalam perkongsian kehidupan akademik dan cara membuat keputusan melalui sistem perwakilan yang dipilih di dalam perhimpunan universiti.

Dalam tradisi Bologna para pelajar ialah kumpulan orang yang sudah mempunyai kedudukan tertentu di dalam masyarakat. Mereka bukan budak-budak tetapi mereka adalah *man of certain standing* dalam masyarakatnya yang ingin mempelajari ilmu tertentu pada peringkat yang lebih tinggi dan mendalam. Dalam keadaan itu, pelajar yang berkuasa melantik dan memecat guru, menetapkan upah, menghendaki profesor taat setia dan patuh kepada peraturan yang ditetapkan selain meluluskan cuti para guru, termasuklah kuasa terhadap sekecil-kecil perkara dalam kehidupan akademik. Sebelum diberi tugas mengajar para guru dikehendaki terlebih dahulu mengemukakan cadangan silibus yang hendak diajarkan dan meletakkan wang pendahuluan. Apabila dipersetujui oleh kelompok pelajar, guru akan membayar pendahuluan serta berjanji menghabiskan silibus yang dijanjikan dalam tempoh yang ditetapkan. Jika guru tidak menghabiskannya, sebahagian deposit itu akan dipotong oleh pihak berkuasa yang terdiri daripada para pelajar. Guru juga mesti memastikan mereka yang berada di kelas tepat pada masanya apabila loceng dibunyikan. Pelajar adalah majikan kepada para guru dengan tradisi Bologna ini dipanggil sebagai *Student University* yang kekuatan pengajiannya ialah undang-undang yang diasaskan kepada *reasons*. Susunan kedudukan para pelajar dibuat dalam kedudukan berkelompok yang mereka panggil sebagai *nations*. Para pelajar mengundi untuk memilih perwakilan yang dipanggil sebagai *consiliarus of the nations* bagi membentuk perwakilan ke senat seluruh universiti yang diketuai oleh seorang yang dipanggil sebagai *rector*. Rektor selalunya akan digilirkan supaya semua *nations* dapat memastikan kepentingan mereka sentiasa diambil kira. Peranan utama rektor ialah melaksanakan kuasa perundangan

terhadap semua pelajar dan profesor. Pada tahun 1159, Barbosa seorang Maharaja Jerman telah menganugerahkan charter kepada Bologna iaitu suatu kuasa eksekutif yang melindungi *studia (university)* daripada kuasa tempatan seperti Kerajaan dan Gereja.

Paris, di Eropah Utara, berlainan pula halnya. Universiti ditubuhkan pada tahun 1119 oleh para guru yang melahirkan *guilds* atau institusi universiti. Para guru yang masyhur dan mengkhusus dalam disiplin ilmu tertentu telah menarik pelajar beramai-ramai datang ke institusi itu dengan perhimpunan orang belajar dipanggil sebagai stadium iaitu tempat belajar yang berubah dan berkembang dari sekolah ke *cathedral*. Perhimpunan universiti diadakan setiap minggu yang dikuasai oleh *faculty nations* ataupun *nation of teachers* dengan ahlinya terdiri daripada Majlis Eksekutif yang dianggotai oleh Dekan *higher faculty*. Maksud *Higher Faculty* ialah teologi, perubatan dan undang-undang. Fakulti Sastera (arts) pula ia diwakili oleh suatu jawatan yang dinamakan sebagai *proctor* sementara seorang *Chief Rector* dipilih mengetuai keseluruhan universiti. Tradisi Paris terbina berdasarkan kepada tradisi *cathedral*. Dengan yang demikian tujuan utama himpunan mereka ialah untuk melahirkan orang agama. Oleh kerana agama mempunyai batasan tertentu dalam mentafsir kuasa dan kebenaran, maka guru diberikan kuasa oleh pihak yang menyara mereka iaitu pihak berkuasa *cathedral*, suatu perbezaan yang ketara dengan tradisi Bologna. Demikian juga keadaannya, para guru menguasai para pelajar dengan mereka yang mencari dan memilih calon pelajar. Guru yang menguatkuasakan peraturan manakala pelajar mesti patuh. Guru jugalah akhirnya yang membuat keputusan sama ada seseorang pelajar itu boleh diisytiharkan lulus lalu memasuki kelompok guru yang seterusnya. Selain itu pada awal tradisi Paris pendidikan hanyalah milik golongan aristokrat dengan wanita tidak mendapat tempat dalam institusi pendidikan. Oleh kerana sifatnya yang sebegitu maka universiti tradisi Paris dipanggil *Master University*

dengan kekuatan pengajiannya ialah teologi.

Autonomi Universiti

Bermula tahun 1200, telah menyaksikan konflik antara pihak berkuasa agama tempatan dengan *Parisian Masters* berhubung dengan kuasa mengeluarkan lesen mengajar kepada para guru. Secara tradisinya, sebelum itu, lesen untuk menjadi guru dikeluarkan oleh gereja. Konflik timbul apabila para guru di stadium telah membuat peraturan mereka sendiri dengan mengambil kuasa mengeluarkan lesen mengajar di dalam *nations* mereka. Kuasa para *masters* itu dilihat oleh gereja sebagai satu ancaman. Pertelingkahan berterusan sehingga pada tahun 1215 dengan Pope Innocent III mencadangkan tolak ansur menghalalkan *guilds of masters*. Pope memihak kepada universiti bagi menetapkan piawai perlesenan tetapi pada akhirnya kuasa rasmi menganugerahkan lesen dikekalkan di tangan *chancellors* atau pihak berkuasa *cathedral*. Ini bermakna Pope itu telah memperkukuhkan lagi autoriti para guru di universiti. Peristiwa ini sangat penting jika dilihat dari aspek kebebasan akademik yang selalu dibincangkan di universiti. Himpunan para guru diberi kuasa untuk menentukan siapa yang akan mengajar dan apa yang hendak diajar.

Azam universiti untuk mengekalkan kebebasan akademik menyebabkan sejarah perkembangan universiti penuh dengan catatan-catatan konflik antara masyarakat universiti dengan autoriti di luar universiti. Oxford dan Cambridge adalah dua lagi universiti yang tertua di dunia. Oxford ditubuhkan oleh para ilmuan yang sanggup menjadi pelarian kerana ingin bebas daripada pelbagai konflik di universiti asal mereka terutamanya di Paris. Seorang Raja Inggeris bernama Henry III telah berjaya memikat para ilmuwan untuk berpindah dari Eropah terutamanya dari Paris untuk menubuhkan institusi di England. Para ilmuan ini nampaknya sanggup lari meninggalkan universiti asal mereka untuk mencari kebebasan yang dijanjikan dengan membawa bersama mereka tradisi Paris yang meliputi adat

panggilan-panggilan pangkat dan majlis-majlis keraian universiti. Namun demikian, sekali lagi kebebasan yang diharapkan di Oxford juga tidak memuaskan hati mereka. Mereka tetap terasa seperti dikuasai oleh negara dan gereja sehingga mereka lari pula menubuhkan Universiti Cambridge. Walaupun pada asalnya kedua-dua universiti ini dilahirkan oleh pihak gereja tetapi pertelingkahan antara gereja dan Raja di England menyaksikan kedua-dua universiti ini kemudiannya berpihak kepada raja. Dengan yang demikian, tradisi Oxbridge kemudiannya berkaitan dengan perlindungan raja dan negara dengan istana mencampuri banyak aspek kehidupan di universiti termasuklah kurikulum dan mata pelajaran yang di ajar seperti terlihat dalam pernyataan berikut: “Henry VIII had issued a series of injunctions to the University in 1536 suppressing the Faculty of Canon Law and forbidding the study of scholastic philosophy. The study of canon law declined, and the Greek and Latin classics, mathematics and Biblical studies now came to the fore” (The University of Cambridge, 2011).

Sebagai balasan, raja memberi perlindungan kepada universiti daripada gangguan luar. Perlindungan istimewa yang diberikan oleh raja kepada universiti itu pernah menyebabkan ketegangan hubungan masyarakat universiti dengan masyarakat awam sehingga mencetuskan Civil War antara kedua-duanya yang dikenali sebagai *war between town and gown*. Kekerapan berlaku konflik dua pihak yang dinyatakan telah melahirkan universiti yang mempunyai kampus seperti kebanyakan universiti moden. Raja melindungi ahli masyarakat universiti daripada tertakluk kepada undang-undang awam. Universiti boleh mengadakan peraturannya seperti menghukum ahli masyarakatnya dan orang luar yang berurusan dengan universiti. Laman web Universiti Cambridge menyebut: “The University was granted a jurisdiction which allowed the Chancellor not only to prosecute the profiteers, but also those falsifying weights and measures, endangering public health by the adulteration of food and drink, interrupting the supplies of fresh water, or

willfully introducing infection during epidemics of ‘plague’. Further control of traders was allowed to the Chancellor with the grant of jurisdiction over law suits arising during markets and fairs (The University of Cambridge, 2011).

Kenyataan itu menunjukkan bahawa universiti bukan sahaja boleh menghukum pelajar-pelajar dan guru-gurunya tetapi boleh menghukum orang luar yang berurusan dengan pihak universiti. Bentuk autonomi universiti di Britain yang sebegini telah mempengaruhi universiti di Malaysia berdasarkan hubungan penjajahan. Ia berdasarkan tradisi hubungan istimewa antara universiti dengan istana dan negara. Sejarah *governance* universiti di Oxbridge digambarkan seperti berikut: “The changes in the University were perpetuated by successive Royal interventions; the monarchs were concerned with the universities as producers of the future leaders of the reformed church, and the Statutes of 1570 ensured this. They concentrated authority not, as previously, in the Regent Masters and the Proctors, but in the Vice-Chancellor and the Heads” (The University of Cambridge, 2011). Di Amerika Syarikat iaitu negara terletaknya banyak universiti yang dikatakan mendapat ranking tertinggi di dunia, sejarah universiti juga bermodelkan Oxford dan Cambridge iaitu dipengaruhi oleh Raja dan Gereja. Harvard sebagai universiti pertama ditubuhkan oleh kuasa Kolonial di Amerika, dari daya usaha golongan agama atau *clergy* dengan kuasa Raja memberikan *charter* pada tahun 1636. Lembaga Harvard mendapat sumber kuasa daripada kuasa Raja Inggeris. Pada kurun ke-17, para guru atau yang dipanggil *Faculty* di Amerika Syarikat telah cuba mengambil alih kuasa itu tetapi gagal apabila Raja Inggeris tidak membenarkan *charter* ditukar untuk memberi kuasa kepada lembaga yang diwakili oleh pihak agama dan perundangan atau *clergy of and magistrates*.

Di Malaysia, telah menjadi pengetahuan umum, universiti yang pertama ditubuhkan ialah Universiti Malaya pada tahun 1949, yang menggabungkan dua institusi pendidikan

tinggi tertua yang ditubuhkan oleh Inggeris, iaitu King Edward VII College of Medicine ditubuhkan pada 1905 dan Raffles College ditubuhkan pada tahun 1928. Universiti Malaya adalah sebuah universiti negara yang namanya diambil daripada sempena negara "Malaya". Ini terkandung di dalam syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Carr-Sounders (2011) yang berbunyi: "The University of Malaya would provide for the first time a common centre, where varieties of race, religion and economic interest could mingle in joint endeavour. For a University of Malaya must inevitably realize that it is a university for Malaya". Oleh kerana Universiti Malaya ditubuhkan atas daya usaha penjajahan Inggeris sehingga selepas Malaya mencapai kemerdekaan maka Naib Canselor universiti masih orang Inggeris. Naib Canselor Universiti Malaya yang pertama ialah Profesor A. Oppenheim dari September 1956 sehingga Jun 1965, iaitu kira-kira 10 tahun dan Dr. J.H.E Griffiths dari April 1967 hingga September 1968, sebelum jawatan tersebut diambil alih oleh Profesor Ungku A. Aziz yang kemudiannya menjadi Naib Canselor Universiti Malaya selama 20 tahun iaitu dari 1968 hingga Februari 1988.

Aplikasi Model Eropah di Universiti-Universiti Malaysia

Pengalaman di Britain diberi nyawa di Malaysia, meskipun banyak pihak tersalah anggap seolah-olah perkembangan hubungan universiti awam dengan pemerintah sebagai semata-mata inisiatif tempatan. Di Malaysia melalui Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, tradisi Inggeris itu dihidupkan apabila kuasa melantik Naib Canselor diletak di tangan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Namun demikian, pindaan Akta Pendidikan 1996 telah merubah sama sekali kuasa itu kepada Menteri Pendidikan dengan tidak lagi menyebut kuasa Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong. Pelantikan Canselor daripada kalangan Raja hanya tinggal satu kebiasaan sahaja bukan peraturan bertulis. Kenyataan ini dapat dibuktikan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan

pada 1970 berdasarkan fakta bahawa seawal penubuhannya Canselor pertamanya ialah Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang bukan raja. Manakala Undang-undang Negara mengenai "Penubuhan Universiti Swasta" di bawah kuasa Akta 555 meletakkan tradisi ini menjadi semakin jauh. Elok juga diperhatikan konsep kolej universiti yang dipinjam daripada tradisi Inggeris digunakan bersama undang-undang berkaitan dengan universiti di Malaysia. Namun demikian, konsep kolej universiti itu telah ditafsirkan berbeza dengan tujuan asal ianya diadakan. Di England, Kolej Universiti bermaksud kolej-kolej gabungan universiti induk yang dipanggil sebagai federal system. Antara contoh sistem ini termasuk Federal System University of London dan Federal System University of Wales. University of London misalnya mempunyai Imperial College, Wye College dan sebagainya, sedangkan di Malaysia pula kolej ialah tempat tinggal atau penginapan pelajar.

Perkembangan kolej universiti di Malaysia pada pertengahan tahun 1990-an menunjukkan konsep kolej universiti diberikan tafsiran yang semakin jauh daripada tradisi yang disebutkan. Ini berlaku sama ada penamaannya dilakukan ikut rasa "sedap" oleh pihak berkuasa kerana tidak fasih dengan tradisi universiti atau dilakukan dengan sengaja untuk bebas daripada tradisi penjajah. Kolej Universiti yang ditubuhkan di Malaysia seperti Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Kolej Universiti Tun Hussein Onn dan yang lain adalah universiti yang tersendiri, jika mengikut tafsiran biasa adalah sebuah universiti penuh. Pada penghujung tahun 2006, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengumumkan untuk menggugurkan perkataan Kolej pada nama Kolej Universiti awam untuk menjadi Universiti sahaja. Perkataan rasmi itu digugurkan mulai Februari 2007 dengan beberapa Kolej Universiti itu telah menukar nama sama sekali seperti KUKUM dan KUSTEM yang menukar nama bagi menggambarkan kenegerian. Tidak diketahui pengguguran panggilan kolej itu sama ada dilakukan berdasarkan buah fikiran tulisan-

tulisan muktabar mengenai tradisi universiti atau kerana alasan-alasan lain. Jika pengguguran itu dilakukan kerana rujukan telah dibuat mengenai konsep universiti dan kolej universiti, maka sudah tentulah untuk konsisten, kementerian juga akan menggugurkan perkataan kolej daripada semua universiti kolej swasta yang memang telah beroperasi secara persendirian.

Kronologi perkembangan universiti di Malaysia mempunyai unsur persamaan dengan kronologi perkembangan universiti di England. Jika England mempunyai universiti medieval atau *ancient universities* seperti Oxford, Cambridge dan beberapa universiti lagi di Scotland, Universiti Malaya mungkin boleh dikategorikan sebagai kategori universiti yang pertama iaitu Medieval University of Malaysia dengan tujuan dan falsafah penubuhannya menjiwai keinginan Raffles supaya ada sebuah universiti di Asia Tenggara, yang sekurang-kurangnya dipanggil *university for the region*. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia penting kerana ada unsur protes terhadap tradisi Universiti Malaya. Ini seakan-akan menyamai sifat penubuhan University of London yang pernah digelar oleh Oxbridge sebagai *infidel university* bagi golongan bukan elit. Universiti Kebangsaan Malaysia boleh dianggap sebagai universiti yang diperjuangkan oleh rakyat untuk rakyat biasa berbanding dengan Universiti Malaya yang ditubuhkan oleh penjajah yang suka dan sayang kepada jolokan 'menara gading'. Namun demikian, cara universiti di London beroperasi pada awalnya berbeza dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana University of London bermula sebagai sebuah *examining university* berbanding dengan UKM yang meneruskan tradisi pengajaran Universiti Malaya. Ia begitu kerana banyak para guru pengasas di UKM berasal dari Universiti Malaya.

Universiti yang terkemudian ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pengajian tinggi menyamai kumpulan *civics universities* atau *red brick universities* di England. Universiti di Malaysia seperti Universiti Utara Malaysia boleh dikategorikan sebagai *civics university* apabila

mengambil kira saat universiti itu ditubuhkan yang masanya sama dengan kesedaran kerajaan bahawa negara kehilangan tukaran wang asing yang begitu besar dengan menghantar 5,000 hingga 8,000 orang pelajar ke luar negara setiap tahun selain daripada bertujuan memenuhi keperluan Malaysia mengeluarkan graduan sendiri yang akan menjadi pengurus pentadbiran dalam bidang perdagangan, perniagaan dan pentadbiran awam (Jemaah Kabinet, 1983). Manakala universiti yang ditubuhkan lebih kemudian lagi, termasuk yang asalnya dipanggil 'universiti kolej' bolehlah digolongkan dalam apa yang dipanggil di England sebagai *plate glass universities*, yang ditubuhkan hasil syor Suruhanjaya Robbins 1960-an untuk menjadikan pengajian tinggi lebih bersifat massa.

Peminat-peminat kepada perkembangan dan penubuhan universiti di Malaysia masih menunggu saat Malaysia akan menukar politeknik menjadi universiti penuh seperti yang dilakukan di England semasa pemerintahan John Major sebagai Perdana Menteri. Jika diambil kira kewujudan fizikal politeknik di Malaysia, kelihatan tidak ada apa-apa kekurangan berbanding dengan beberapa universiti di England sekarang, sedangkan 15 tahun yang lalu universiti-universiti itu adalah politeknik. Jika diambil kira perkembangan universiti terdahulu seperti UKM semasa awal penubuhannya dengan segala kekurangan, tahap susah untuk menaiktaraf politeknik di Malaysia menjadi Universiti penuh tidak mungkin lebih susah daripada yang telah dilalui oleh universiti-universiti terdahulu itu.

Meskipun di Malaysia telah diisytiharkan dua klasifikasi universiti, iaitu universiti penyelidikan dan universiti bukan penyelidikan, namun suatu klasifikasi yang lain boleh dibentuk, iaitu klasifikasi vocational dan non-vocational. Istilah itu digunakan oleh Ashby (2011a) yang mengkategorikan universiti menekankan supaya siswazah memasuki pengkhususan pekerjaan sebagai universiti vokasional. Jika Newman (1973) iaitu seorang lagi tokoh pemikir tentang *idea of university*

masih hidup tentulah dia tidak menamakan institut yang di panggil oleh Ashby sebagai *vocational university* itu sebagai universiti. Di Malaysia jika ucapan Menteri Pengajian Tinggi pada 17 Januari 2005 yang berbunyi seperti di bawah diambil sebagai satu arahan kepada universiti awam maka semua universiti awam di Malaysia seolah-olah diarahkan supaya menjadi universiti vokasional. Ia diambil daripada ucapan Menteri tersebut yang berbunyi:- “Saya menegaskan agar graduan-graduan kita perlu mempunyai kemahiran, keterampilan serta kebolehan agar mereka mampu bersaing di peringkat global. Saya membangkitkan mengenai *marketability* graduan-graduan kita agar mereka mampu bersaing di pasaran pekerjaan. Saya turut meminta agar mahasiswa-mahasiswa didedahkan kepada dwi pengkhususan agar mereka menjadi lebih berkebolehan dan berketerampilan. Para graduan kita seharusnya merupakan graduan-graduan terbaik IPT kita yang akan memasuki dunia pekerjaan dan sekali gus menyumbang kepada tahap daya saing negara di peringkat global”. Namun jika arahan itu adalah mewakili pendirian Kerajaan Malaysia seluruhnya, maka ianya tidak pula selari dengan pernyataannya dalam ucapan yang sama yang berbunyi: “Kesemuanya bertujuan untuk membolehkan kita sentiasa seiring dengan perkembangan pendidikan tinggi di seluruh dunia. Kita hendak jadi sama dengan universiti di seluruh dunia. Kita tidak mampu untuk ketinggalan jika kita berhasrat untuk menjadi negara yang disegani untuk dicontohi oleh negara lain di serata dunia.” Demikian bunyi pernyataan menteri, sedangkan perkembangan universiti terkenal di dunia terutamanya, tidak mengutarakan idea universiti melatih mahasiswa untuk mengisi kekosongan pekerjaan dalam bidang yang diambilnya. Oleh sebab itu misi universiti terkenal di dunia, dapat disimpulkan dalam kata aluan Naib Canselor UUM di laman web UUM sehingga Jun, 2010 yang berbunyi:

“I believe a university should transcend beyond physical, intellectual and social boundaries. Universities should be universal institutions in

their vision, mission, practices and policies. As such, UUM must participate in the global effort to promote peace and harmony in the immediate community, nation and the world at large – for the betterment of mankind. The UUM campus community thrives to be a hub for intellectual discourse, discussions of various world issues and problems. The quest for knowledge and wisdom is borderless. Scholarship should not be confined to such notions that restrict human potential and possibilities for creativity and growth. Similarly, research, innovations and other university endeavors must, finally, in one way or other benefit citizens of the world”. Oleh itu jika maksud universiti berlainan daripada maksud kata-kata aluan itu, universiti bolehlah menjadi *chartered institutions* ala England. Secara begitu, Universiti hanya dikehendaki mengajar silibus yang disediakan oleh badan-badan tersebut yang mengaturkan sesuatu bidang pekerjaan dan melatih pelajarannya agar lulus peperiksaan yang item soalan-soalannya juga disediakan oleh badan-badan tersebut. Ini bermakna, Fakulti Perakaunan misalnya boleh mengambil bulat-bulat silibus yang disediakan oleh ACCA, MICPA atau yang lainnya dan mengajar pelajarannya untuk lulus peperiksaan yang juga disediakan oleh badan-badan tersebut. Dengan cara demikian universiti tidak lagi perlu menjawab kritikan-kritikan awam seperti universiti perlu melatih pelajarannya sesuai dengan kehendak majikan yang menyediakan pekerjaan. Eric Ashby (2011), menyebutkan mengenai Universiti vokasional seperti berikut ialah: “The motive which must be resisted is the pursuit of non-vocational higher education solely in order to get certification for a job. It is of course the employer who must be reformed first. They are doing a great disservice to higher education by using degrees and diplomas which are quite irrelevant for the jobs they are filling, as filters for selecting candidates...In universities particularly we have, I believe been diverted from the true goal of education (only in some subjects, of course) to the false goal of certification”.

Dalam Ringkasan Eksekutif Dokumen

Transformasi Pengajian Tinggi Malaysia, oleh Jawatankuasa Transformasi Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) bertarikh 29 Disember 2006, istilah yang digunakan seakan-akan menyamai pernyataan Ashby mengenai pendidikan tinggi vokasional, iaitu *performance- ready graduate*. Jawatankuasa itu mengesyorkan supaya KPTM menyediakan siswazah sedemikian yang diperlukan oleh pasaran kerja tempatan dan antarabangsa. Namun, jawatankuasa ini memberi teguran yang kekeliruan terhadap maksud pendidikan latihan masih belum terlerai. Apabila isu siswazah mengganggu berbangkit, institusi pendidikan menjadi sasaran. Manakala, di Malaysia, pendidikan dan latihan seolah-olah dilihat sinonim iaitu pendidikan didefinisikan sebagai latihan, dan latihan ditakrifkan sebagai pendidikan. Walhal, di peringkat konseptual kedua-duanya sangat berbeza. Langkah strategik yang disebutkan ialah sekiranya idea penyatuan sayap pendidikan vokasional ini diterima maka wajarlah konsep ini diterjemahkan untuk pelaksanaan. Universiti yang didefinisikan sedemikian sudah tentu tidak dapat memenuhi ciri-ciri institusi universal jika universiti itu dilihat sebagai gabungan daripada dua perkataan iaitu *universal* dan *institution*. Maksudnya, apa yang global atau universal itu bukan di mana letak tubuh fizikal orang universiti, seperti orang Malaysia bekerja di Eropah atau di Amerika Syarikat, sebaliknya terkandung Eropah, Amerika Syarikat, Afrika, Asia dan seluruh dunia dalam diri lulusan universiti itu.

Masalah besar pendidikan tinggi vokasional ialah tempoh kebolegunaan sesuatu program vokasional itu sangat pendek di bawah pengaruh perubahan dalam dunia industri. Persijilan atau Ijazah yang telah dikeluarkan oleh universiti mungkin telah tamat kebolehgunaannya tetapi sijil itu tetap sah. Seperti kata Ashby (2011b) "In many fields this education is obsolete in a decade or so, but the certification remains valid". Jika setiap universiti adalah universal institution maka ia bermakna setiap universiti di Malaysia sememangnya sudah bertaraf antarabangsa tanpa perlu lagi diisytiharkan sedemikian sebuah

demi sebuah. Sekiranya yang dilihat tidak hanya sifat lahirnya, maka sekurang-kurangnya dari aspek guru yang mengajar, universiti di Malaysia lebih antarabangsa berbanding ratusan universiti yang ada di Amerika Syarikat dan England. Para guru yang mengajar seperti Amerika Syarikat majoritinya adalah orang Amerika lulusan dari pengajian universiti di Amerika. Jika ada orang berkulit lain dari orang Amerika mereka kebanyakannya direkrut semasa menjadi pelajar di universiti yang sama di sana. Pada hal, di Malaysia, walaupun kulit dan hidungnya ketara menunjukkan mereka orang Malaysia kebanyakan mereka telah mendapat pengajian tinggi daripada universiti di seluruh dunia. Kurikulum pengajian tinggi di Malaysia sememangnya universal kecuali beberapa mata pelajaran yang diarah oleh kuasa di atas universiti. Namun, mungkin kerana sifat rasa rendah diri orang Malaysia yang sangat tebal mereka sentiasa merasa diri mereka kurang universal berbanding yang dilihat di Eropah atau Amerika Syarikat. Istilah piawai antarabangsa selalu didesak kepada universiti awam di Malaysia sedangkan maksud bagi istilah piawai antarabangsa tersebut meliputi pemilikinya masih samar. Ini tidak pernah di sepakati oleh mana-mana pihak yang jelas autoritinya di universiti. Dengan pendirian yang tidak begitu jelas universiti di Malaysia diseru supaya memperoleh status antarabangsa. Pihak pengurusan universiti pula akan segera turun menyeru setiap ahli komuniti universiti supaya bekerja keras ke arah itu. Maka berlumbalumbalah setiap universiti di Malaysia untuk mendapat pengisytiharan pihak berkuasa bahawa ia adalah universiti bertaraf antarabangsa.

Kaedah pengisytiharan universiti yang dipanggil 'universiti penyelidikan' diberi oleh autoriti dari luar universiti. Pengisytiharaan menjadi universiti antarabangsa juga dilakukan dengan kaedah yang sama. Jika tidak, sudah tentu tergambar bahawa pengurusan universiti belum benar-benar yakin yang universitinya sudah bertaraf antarabangsa. Ini menunjukkan orang universiti sendiri nampaknya memerlukan perakuan. Semasa empat universiti di Malaysia

diisytiharkan sebagai universiti penyelidikan tidak pula diketahui kekurangan yang perlu diperbaiki oleh universiti lain yang tidak dimasukkan dalam kategori universiti yang telah diisytiharkan itu. Markah kuantitatif, jika ada, yang diperoleh oleh UTM, misalnya berbanding dengan UM. Adakah usia universiti menyumbang kepada perolehan status ini?

Mempelajari Perkembangan Terkini Universiti Eropah

Meskipun Eropah mempunyai tradisi universiti yang sangat panjang, namun mereka mengakui hakikat persaingan dunia moden yang sangat sengit. Dengan menerima hakikat itu penggerak-penggerak pengajian tinggi di Eropah melakukan pelbagai perubahan dan penyesuaian untuk memastikan universiti mereka tidak ketinggalan. Untuk tujuan itu mereka berazam untuk mengembalikan keagungan tradisi Bologna. Di Eropah universiti mengantarabangsakan diri mereka dengan mewujudkan kesepakatan selepas mereka melihat tidak banyak yang akan diperoleh melalui persaingan. Mereka sudah letih bersaing sesama sendiri. Menjiwai niat penubuhan Kesatuan Eropah, selepas penat berperang ratusan tahun, kerjasama antara universiti sesama sendiri dalam satu negara dan dengan universiti di negara lain, pengantarabangsakan diperkukuhkan melalui pengisytiharan yang diberi nama Bologna Process yang ditandatangani oleh menteri-menteri yang bertanggungjawab terhadap pengajian tinggi bagi 29 negara pada tahun 1999. Tujuannya ialah untuk melahirkan komuniti Wilayah Pengajian Tinggi di Eropah atau European Higher Education Area pada 2010. Deklarasi ini menetapkan supaya ada sistem yang telus dan saling mengiktiraf sistem pengajian tinggi negara-negara anggota dengan tujuan supaya staf dan pelajar di Eropah mempunyai mobiliti selain dari tujuan mempromosikan pengajian tinggi Eropah sebagai sesuatu yang sangat menarik. Antara kandungan Bologna Process yang begitu menarik ialah mengembalikan tradisi medieval Bologna yang memberi tempat

kepada penyertaan pelajar dalam *governance* universiti. Mereka bukan sahaja bekerjasama antara universiti sebaliknya menggembeling tenaga dalaman sesebuah universiti. Penyertaan pelajar dalam *governance* universiti ini ditekankan dengan begitu kuat dalam Prague Communiqué (2001) dalam bulan Mei 2001 yang antara lain menetapkan: "Students are full members of the higher education community and the recognition of students as competent, active and constructive partners in the establishment and shaping of European Higher Education Area. Ministers affirmed that students should participate in influence and the organization and content of education at universities and other higher education institutions". Mengembalikan tradisi Bologna melalui Bologna Process, mobiliti pelajar antara negara di Eropah tidak lagi hanya dinikmati oleh segelintir yang bernasib baik untuk belajar di tempat lain. Kelulusan yang diperolehi di suatu tempat boleh pula digunakan di tempat lain dalam wilayah pengajian tinggi Eropah yang semua pelajarnya berpeluang memanfaatkan kemudahan mengantarabangsakan diri mereka seperti yang disebut di Laman Web rasmi Bologna Process (2011) yakni: "The purpose of recognition is to make it possible for learners to use their qualifications from one education system in another education system (or country) without losing the real value of those qualifications".

Kesatuan Eropah yang digerakkan oleh keazaman politik telah menghasilkan juga keazaman pengajian tinggi. Melalui Bologna Process pengajian tinggi di Eropah diatur dengan cara yang membolehkan universiti di setiap negara anggota saling memahami antara satu sama lain dengan mudah dan menghindarkan proses birokrasi yang panjang setiap kali berurusan. Di Asia Tenggara sebagai contoh, orang Malaysia menghadapi birokrasi ke Indonesia. Begitu juga orang Indonesia masuk ke universiti di Malaysia juga menghadapi kepayahan dengan urusan visa dan sebagainya. Hal seperti ini perlu diselesaikan sekiranya rantau ini ingin dijadikan seperti apa yang berlaku di Eropah. The Information Network on Education in

Europe 2005 menyebutkan bahawa di Eropah peringkat pengijazahan diatur secara yang saling difahami sesama mereka yang dipanggil sebagai “Cycle 1” dengan di Malaysia ia mungkin dipanggil Sarjana Muda dan Bachelor, “Cycle 2” yang disebut sebagai Master dan “Cycle 3” yang dikenali sebagai Doktoral.

Tauladan Untuk ASEAN dan Malaysia

Setelah meneliti perbincangan yang dikemukakan, mungkin boleh dipelajari apa yang telah dilakukan di Eropah dalam mengantarabangsakan universiti mereka. Mereka tidak tunduk kepada ranking yang dibuat oleh agensi-agensi di luar universiti seperti akhbar popular dan sebagainya. Sebaliknya mereka mengantarabangsakan universiti mereka melalui penggubalan kerangka pengajian di universiti yang dapat dipersetujui bersama oleh negara yang terlibat. Dengan kerangka yang disediakan, setiap universiti tidak bergantung kepada adanya individu guru penyelidik yang muncul sekali-sekala sebagai penerima hadiah nobel atau individu luar biasa yang universiti boleh menumpang nama mereka. Kerangka yang disediakan dan dipersetujui oleh pelbagai negara membolehkan mobiliti para guru dan pelajar menjadi begitu pesat. Mereka mengantarabangsakan guru, pelajar, kurikulum, struktur dan sistem pengurusan universiti melalui kerjasama Eropah. Setiap universiti dalam kerangka itu secara automatik menjadi antarabangsa.

Menteri-menteri yang bertanggungjawab terhadap pengajian tinggi di Eropah lebih menumpukan usaha mereka melalui keazaman politik untuk memastikan setiap negara penandatanganan melalui Bologna Process. Mereka membuat keputusan-keputusan bersama dan kemudian menubuhkan pelbagai pasukan petugas yang dipanggil sebagai *Bologna Follow-up Group*, yang anggotanya daripada kalangan orang universiti untuk melaksanakan keputusan-keputusan itu. Pada peringkat dalam negeri sendiri pula mereka merombak perundangan dan peraturan melalui

proses legislatif bagi memastikan keputusan-keputusan itu dilaksanakan dengan teratur. Negara-negara anggota sanggup mengubahsuai sistem universiti mereka semata-mata untuk memenuhi syor-syor Bologna Process. Jerman, sebuah negara yang paling maju di Eropah sanggup mengubah sistemnya untuk memberi tempat kepada syor Bologna Process. Norway menghapuskan sama sekali sistem lamanya pada tahun 2007 untuk memenuhi tujuan itu, demikian juga Belgium, Lithuania dan Poland. Dengan cara itu, pengantarabangsakan terjadi melalui proses semula jadi tanpa perlu pemimpin politik mereka mencampuri urusan pentadbiran setiap universiti di bawah jagaan mereka secara mikro. Tanggungjawab dan tugas pemimpin politik untuk menyediakan kerangka antarabangsa terlalu besar dan luas sehingga mereka tidak mempunyai masa lagi untuk *micro-managed* universiti.

Adalah amat memberangsangkan sekiranya pemimpin politik yang bertanggungjawab terhadap universiti di negara ASEAN bekerja secara berfokus untuk tujuan seperti yang telah dilalui di Eropah. Melalui keazaman politik di dunia sebelah sini dapat diwujudkan Wilayah Pengajian Tinggi ASEAN atau ASEAN Higher Education Region. Dengan mengetepikan perbezaan dan kesombongan kenegaraan dan fokus kerja di kalangan pemimpin politik di wilayah ini idea tersebut boleh menjadi realiti. Di Eropah, meskipun Turki masih tidak diterima menjadi anggota dalam EU tetapi Bologna Process telah mendahului keputusan politik kenegaraan. Turki telah diterima menjadi anggota Bologna Process yang dianggotai kini oleh 33 buah negara pada bulan Mei 2001 dalam perhimpunan di Prague bersama anggota baru seperti Croatia, Cyprus dan Lichtenstein.

Orang Eropah, seperti juga orang Asia, tidak boleh berbual antara negara menggunakan bahasa negara masing-masing. Ini sama seperti orang Thailand dan Malaysia tidak boleh berbual tanpa menggunakan bahasa ketiga. Negara Eropah juga tidak sama status kekayaan antara satu negara dengan satu negara yang lain seperti

tidak samanya kekayaan Singapura dengan kekayaan Myanmar. Namun mereka melihat dan membina keazaman mengembalikan keagungan universiti zaman silam mereka dengan merentas sempadan negara dengan melihat jauh ke hadapan. Mereka ingin menjadi kuat dan tidak meminta orang lain datang mengukur kekuatan mereka. Mereka mempunyai *will to govern*. Inisiatif ASEAN bukan terlalu terkemudian berbanding dengan inisiatif EU tetapi dalam aspek bekerjasama dengan pengajian tinggi nampaknya ASEAN jauh terkebelakang. ASEAN telah dibentuk pada tahun 1967 di Bangkok dengan negara anggota utamanya Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand. ASEAN mempunyai penduduk berjumlah 0.5 bilion dengan jumlah keluasan geografi 4.5 juta kilometer persegi dan jumlah GDP keseluruhan AS70 bilion, serta jumlah dagangan ialah sebanyak AS850 bilion yang mempunyai keluasan dan mempunyai kekuatan untuk bersaing. Jika universiti Malaysia ingin bersaing berseorangan dengan universiti di Amerika Syarikat dengan kekuatan yang sedia ada, jangka masa yang diambil mungkin akan terlalu lama. Mungkin jawapan lawan kepada pendapat ini ialah merujuk kepada Singapura sebuah negara kecil yang negara dan universitinya sudah tersenarai dalam ukuran pelbagai pihak. Itu juga jawapan yang betul tetapi Singapura dalam segenap aspek sentiasa dilihat sebagai 'pulau' di ASEAN. Namun jika di beri peluang Singapura tentu tidak akan ragu-ragu ingin mengetuai ASEAN seperti *big brothers* Jerman, Perancis dan United Kingdom ingin menguasai European Union.

Setakat ini tidak jelas gerakbalas peringkat kerajaan Malaysia untuk menggerakkan kuasa ASEAN secara agresif seperti mana yang telah pernah berlaku di Eropah. Dalam Dokumen Transformasi Pengajian Tinggi di Malaysia agenda ASEAN di situ sebagai terlalu kecil. Syor oleh jawatankuasa itu keseluruhannya kelihatan seperti Malaysia ingin berinisiatif bersendirian dengan kuasa rundingan yang terhad dan seadanya. Inisiatif ASEAN muncul begitu kecil dalam perakuan sampingan iaitu

priority ke-VI iaitu cadangan penubuhan Institut Antarabangsa Universiti-universiti Malaysia di bawah syor besar pengantarabangsaan. Begitu pun, fokusnya tidak kelihatan pada urus utama universiti sebaliknya hendak merekabentuk program kurikulum yang mencakupi latihan kepimpinan, kegiatan kebudayaan dan kesenian, seminar dan bengkel bersama sarjana antarabangsa dan kapten-kapten syarikat multinasional, kolokium dan isu-isu antarabangsa, dialog dengan pemimpin dan ahli parlimen negara ASEAN. Tidak disebut langsung pada ketika itu *quality assurance* bersama dan tidak disebut langsung *credit transfer arrangement* seperti yang ada di Eropah. ASEAN memang telah mengadakan kerja yang berterusan untuk merealisasikan ASEAN University Network (AUN) dengan tujuan menggalakkan kerjasama antara 17 universiti utama di ASEAN yang menjadi ahli.

Namun sasaran yang diputuskan pada mesyuarat ke-4 Ketua-ketua Kerajaan pada 1992 ialah untuk akhirnya menubuhkan Universiti ASEAN dan menggalakkan rakyat di negara ASEAN mempunyai kesedaran ASEAN dengan mengujudkan juga kurikulum Southeast Asian Studies di sekolah dan universiti. Aspek kurikulum ini telah pun dilaksanakan, selain daripada memperkenalkan program pertukaran pelajar ASEAN. Namun ia tidak membenarkan mobiliti pelajar dan guru-guru secara bebas di ASEAN. Sebaliknya, tujuan perpaduan politik lebih diutamakan, bukan untuk mengantarabangsakan universiti masing-masing. Cita-cita demikian tidak menunjukkan keazaman untuk membina satu sistem pengajian tinggi di ASEAN. Dalam Charter of the ASEAN University Network Article 2 (ASEAN, 2011) disebutkan objektif berikut: "The general objective of AUN is to strengthen the existing network of co-operation among universities in ASEAN by promoting collaborative study and research programmes on the priority areas identified by ASEAN. The specific objectives are to promote cooperation and solidarity among scientists and scholars in the ASEAN member countries. To develop academic and

professional human resources in the region and to produce and transmit scientific and scholarly knowledge and information to achieve ASEAN goals". Setakat ini, masih lagi tidak kedengaran bunyi ASEAN University System. Apa yang ditekankan hanyalah niat menubuhkan sebuah universiti ASEAN. Cadangan mengenai ASEAN University System memerlukan perincian dalam langkah kerja yang lebih konkrit. Isu jaminan kualiti bersama, pemindahan kredit, pengiktirafan kelayakan, pergerakan atau mobiliti guru, dan sebagainya adalah perkara utama bagi mengantarabangsakan pelajar dan guru di wilayah ASEAN. Rujukan boleh dibuat terhadap inisiatif setiap negara anggota EU yang mentransformasikan pengajian tinggi mereka bagi memenuhi keperluan Eropah mengantarabangsakan universitinya melalui Bologna Process yang bermula di Paris La Sorbonne 25 Mei 1998 yang meliputi tiga prinsip iaitu "Facilitating the mobility of students in the European area and their integration into European labour market, as well as the mobility of teachers, improving the international transparency of courses and the recognition of qualifications by means of gradual convergence towards a common framework of qualifications and cycles of study and encouraging a return to studies or their continuation in the same or another institution, in a school or within arrangements for European mobility".

Pada tahun 1999 pula, di Bologna deklarasi European Higher Education Area telah ditandatangani yang meliputi enam prinsip yang akan diusahakan bersama dengan yang pertama: 'Facilitating the rateability and comparability of qualifications, implementing a system based essentially on two main cycles, establishing a system of credits, such as ECTS (European Credit Transfer System), developing arrangements to support the mobility of students, teachers and researchers, promoting European cooperation and quality assurance promoting the European dimension in higher education in terms of curricular development and inter-institutional cooperation'. Dengan mempelajari apa yang berlaku di Eropah, Indonesia telah

menyusun semula sistem panggilan ijazah yang telah diselaraskan dengan tidak ada lagi kategori doktorandus (Drs) dan sebagainya. Panggilan di Indonesia kelas pengijazahan diatarkan selaras dengan misalnya D1 sehingga D4 (Diploma), S1 (Ijazah Pertama), S2 (Ijazah Kedua) dan S3 (Doktoral). Ketiga-tiga peringkat dipanggil Sarjana dan D4 disamakan dengan S1. Contoh di Eropah dan di Indonesia ini nampaknya lebih teratur dari segi usaha mengelakkan kekeliruan panggilan yang pelbagai, sama ada mengikut disiplin pengajian atau perbezaan peringkat pengajian di universiti atau perbezaan negara. Persoalan seperti kedudukan diploma pascasiswazah di Malaysia, perbezaan Ijazah Doktor Pengurusan Perniagaan (DBA) dengan Doktor Falsafah (PhD), mungkin boleh dijawab oleh pengkategorian cara Eropah dan Indonesia. Cara ini digunakan di Eropah untuk memahami panggilan-panggilan yang pelbagai di negara-negara anggota EU yang menggunakan bahasa yang berbeza.

Sehingga sekarang Malaysia dan Indonesia yang merupakan dua negara yang paling munasabah untuk bekerjasama masih belum boleh melakukan sistem pemindahan kredit walaupun bilangan pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia adalah besar dan demikian juga bilangan pelajar Indonesia berada di Malaysia. Mungkin banyak yang tidak sedar bahawa ijazah pertama dari universiti di Malaysia tidak diiktiraf di Indonesia hanya kerana tidak saling faham cara mengira kredit. Berbeza dengan di Eropah, Convention on the Recognition of Qualification of Concerning Higher Education in the European Region pada 1997 di Lisbon yang terkenal dengan panggilan Lisbon Convention telah menggariskan persetujuan dalam aspek program pengajian, tempoh pengajian, anugerah akademik yang diberikan, kelayakan masuk, pengiktirafan, penilaian, autoriti berkaitan dengan pengajian tinggi dan mekanisme pelaksanaan tertera dengan jelas dalam 21 artikel.

Kesimpulan

Sekurang-kurangnya ada tiga sebab mengapa masa yang panjang diperlukan dalam merujuk ke Eropah bagi transformasi pengajian tinggi terutamanya di bawah tajuk pengantarabangsaan. Pertama, tradisi *governance* universiti tertua di dunia bermula di Eropah dan kebetulan di Bologna. Eropah juga telah memperbaharui Bologna melalui Bologna Process. Kedua, usia European Union (EU) tidaklah terlalu tua berbanding dengan ASEAN. Ketiga, telah bangkit kesedaran supaya Eropah tidak boleh terus mengaku kalah kepada Amerika Syarikat, termasuk dalam aspek pengajian tinggi sambil mengakui kelemahan sedia ada, dan mengakui kekuatan pesaing. Ini bermakna semaju Eropah pun mereka tetap melihat Amerika Syarikat sebagai ancaman yang mereka rasa mereka tidak boleh urus dan hadapi secara bersendirian. Eropah tidak mahu tunduk dan menyerah kepada pelbagai kaedah promosi universiti seperti *ranking* universiti dunia yang ditaja oleh pesaing mereka. Mereka bangkit untuk bersaing secara berkumpulan bukan berseorangan. Oleh sebab itu negara-negara di ASEAN juga perlu melihatnya demikian. Malaysia tidak mampu menguruskan Amerika Syarikat secara bersendirian berbanding kalau ia duduk bersama-sama dengan ASEAN. Pernyataan di atas merujuk kepada realiti yang telah diterima oleh masyarakat EU bahawa mereka mempunyai pesaing. Pernyataan ini tidak bermaksud universiti-universiti di negara maju di Eropah seperti Jerman dan Perancis tidak boleh berhadapan dengan universiti di Amerika Syarikat. Mereka bukannya tidak berkemampuan, tetapi mereka melihat jauh ke hadapan. Mereka mula bercakap mengenai *Europe of knowledge*. Bukan lagi bercakap-cakap mengenai *Germany of knowledge* ataupun *France of knowledge*. Mereka bercakap mengenai komuniti ilmu yang lestari, boleh bertahan bukan menumpang kegemilangan seorang dua ahli ilmu yang muncul sekali-sekala.

Rujukan

- Ashby, E. (2011a). The Structure of Higher Education: A World View'. Higher Education Volume 2(2):142-151 DOI: 10.1007/BF00137744. <http://www.springerlink.com/content/u064h53154081346/>: dipetik pada 27 Oktober, 2011.
- Ashby, E. (2011b). The Implication of Mass Higher Education. In: The Structure Of Higher Education: A World View. Higher Education 42-151, DOI:10.1007/BF00137744 (<http://www.springerlink.com/content/u064h53154081346/>): dipetik pada 9-10-2011.
- Mesyuarat Jemaah Kabinet Menteri pada 19 Oktober 1983.
- Newman, J.H.C. (1973). The Idea of a University. Westminster: Christian Classic Inc.
- Prague Communiqué. (2001). The Meeting of European Ministers in charge of Higher Education in Prague: Towards The European Higher Education Area, May 19th 2001'. http://www.bolognabergen2005.no/Docs/00_Main_doc/010519prague_Communique.Pdf: dipetik pada 27 Oktober 2011.
- Suruhanjaya Carr-Sounders. (2011). <http://www.getadvertisingjobs.com/c/universiti-of-malaya.html>. Dipetik pada 9 Oktober 2011.
- The University of Cambridge. (2011). <http://www.cam.ac.uk/univ/history/16c.htm>. Dipetik pada 16 February 2011.

